



TUKAR DOKUMEN ... Hj Zulkarnain (empat dari kiri) bertukar dokumen dengan Harun (dua dari kanan) sambil disaksikan oleh Abu Bakar (tiga dari kanan) dan Awang Sahak (kanan sekali).

NST 24.1.2014 2

Jalinan kerjasama UMS dan Universiti Brunei Darussalam terus diperkukuh

KOTA KINABALU: Kerjasama antara UMS dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang sedia terjalin sejak tahun 2008, terus diperkukuh apabila satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak telah ditandatangani baru-baru ini.

MoU tersebut dimeterai ketika delegasi UMS membuat kunjungan hormat kepada

Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato' Seri Setia Hj Abu Bakar Hj Apong di Bandar Seri Begawan Brunei.

UMS diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah menandatangani dokumen perjanjian tersebut, manakala UBD diwakili oleh Naib Canselornya, Dato Paduka Dr. Hj. Zulkarnain Hanafi, sambil



CENDERA KENANGAN ... Harun (tiga dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada Awang Sahak (dua dari kiri) ketika delegasi UMS membuat lawatan kerja ke Brunei Darussalam.

disaksikan oleh Menteri Pendidikan Brunei Darussalam.

Kerjasama yang dijalin meliputi program pertukaran pelajar, latihan industri dan mobiliti, pertukaran bahan penerbitan, kerjasama dalam penyelidikan dan pengajaran, serta kerjasama dalam pelbagai bidang yang dipersejui kedua pihak.

Delegasi UMS kemudiannya membuat kunjungan hormat ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dalam usaha mengeratkan hubungan kerjasama yang terjalin antara kedua-dua institusi pengajian tinggi. Delegasi

disambut oleh rektornya Pg Anak Dr Haji Amiruddin Alam Shah Pg Anak Haji Ismail.

Selain Harun, delegasi UMS yang diketuai oleh Duta Besar Malaysia ke Brunei Darussalam, Datuk Haji Awang Sahak Awang Salleh turut disertai oleh Dekan Sekolah Sains Sosial UMS, Prof. Dato' Mohd. Hamdan Adnan, pensyarah Sekolah Pengajian Seni Prof. Dr. Mohd. Sahlan Hj. Saman, Ketua Jabatan Canselori UMS No'man Datuk Hj Ahmad, dan Pemangku Pengarah 'Pusat Hal Ehwal Antarabangsa Molly Donna Datuk Hj. Awang, 'Sham'.